

Tingkat kesedaran warga UMS

JAKMAS anjur Program Ecopark OSH Awareness Day

UB 9/1/20 15



KOTA KINABALU: JAKMAS Kediaman Ecopark dengan kerjasama Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Universiti Malaysia Sabah baru-baru ini mengajurkan Program Ecopark OSH Awareness Day.

Program yang julung-julung kalinya diadakan

berbentuk forum ilmiah ini bertujuan memberi kesedaran dan pemahaman kepada warga UMS akan isu kesihatan mental yang berlaku pada hari ini khususnya di kalangan warga universiti.

Pengarah Program Eliza Leong Nyuk Chui berkata, program ini bertujuan memberi pemahaman dan pengetahuan berguna melalui sesi perkongsian maklumat dan pengalaman daripada panel jemputan khas berkenaan isu kesihatan mental yang berlaku pada hari ini.


Sambutan yang diterima adalah baik bukan sahaja di peringkat warga kerja UMS malah termasuklah Prof Dr Khamisah Awang

siswa mahasiswa universiti itu sendiri.

Dalam ucapan perasmian program, Timbalan Naib Canselor HEPA UMS Prof Madya Dr Raman Noordin menyambut baik program-program berbentuk forum ilmiah bagi menggalakkan percambahan idea dan perkongsian pengalaman dalam kalangan warga UMS.

Adalah diharapkan pengajuran program berbentuk forum ilmiah ini akan terus diadakan di masa hadapan demi manfaat dan kebaikan semua pihak.

Di antara panel jemputan forum ini termasuklah Prof Dr Khamisah Awang



BERGAMBAR: Sesi bergambar peserta bersama Prof Madya Dr Raman Noordin.

Lukman, Dr Noor Hassline Mohamed, Dr Loo Jiann Lin dan moderator forum Saudara Mohammad Zaiful Junaedi.

Majlis ini turut dihadiri oleh Pengarah Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Prof Dr Khamisah

Awang Lukman, wakil Ketua Jabatan Hal Ehwal Pekerjaan Mohd Azrin Abdullah, Pengurus Majlis Timbalan

Dekan HEP Dr Mohammad Puad Bebit dan Pengetua Kediaman Ecopark Wijaya Kamal Ramli.